

# PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH ORANG BERAGAMA ISLAM

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman Malaysia di alamat yang berikut:

IBU PEJABAT:  
JABATAN BANTUAN GUAMAN  
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA  
NO. TELEFON: 03-88851000  
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831  
LAMAN WEB: [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)  
SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

CATATAN:  
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK  
PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT  
UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.



## Apakah yang dimaksudkan dengan penguatkuasaan perintah nafkah?

Sesuatu perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah perlu dipatuhi oleh pihak yang dikeluarkan terhadapnya. Sekiranya perintah tersebut gagal dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah, pihak yang memperoleh perintah itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk menguatkuaskan perintah tersebut.

Penguatkuasaan perintah nafkah bermaksud suatu tindakan undang-undang dibuat untuk memastikan suatu perintah nafkah itu dipatuhi sepenuhnya.



## Apakah jenis penguatkuasaan perintah nafkah?

Terdapat 2 jenis penguatkuasaan perintah nafkah iaitu –

- (a) penguatkuasaan perintah nafkah anak; dan
- (b) penguatkuasaan perintah nafkah isteri.



## Bilakah perintah nafkah anak dapat dikuatkuasakan?

Perintah nafkah anak boleh dikuatkuasakan apabila –

- (a) pihak yang diperintahkan oleh Mahkamah gagal memberikan nafkah kepada anak itu sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah **untuk membayar nafkah tersebut**; dan/atau
- (b) pihak yang diperintahkan oleh Mahkamah gagal mematuhi perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah untuk membayar apa-apa tunggakan nafkah anak yang telah diperintahkan kepadanya.



## Bilakah pula perintah nafkah isteri dapat dikuatkuasakan?

Perintah nafkah isteri boleh dikuatkuasakan –

- (a) semasa masih dalam tempoh perkahwinan; dan/atau
- (b) selepas perceraian.

Dalam hal keadaan di atas, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa, memerintahkan seseorang suami/bekas suami yang gagal memberikan nafkah kepada isteri/bekas isteri untuk membayar nafkah tersebut sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah.



## Apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya perintah nafkah tersebut gagal dipatuhi?

Sekiranya perintah tersebut gagal dipatuhi, Pihak Menuntut boleh mengambil mana-mana tindakan yang berikut:

- (a) memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah untuk menguatkuasakan Perintah Nafkah tersebut; atau
- (b) memohon kepada Mahkamah supaya Pihak Kena Tuntut dikenakan hukuman kerana menghina Mahkamah atas keengganannya mematuhi perintah Mahkamah.



## Apakah bentuk-bentuk penguatkuasaan perintah nafkah yang boleh dikeluarkan oleh Mahkamah?

Mahkamah boleh –

- (a) mengarahkan Pihak Kena Tuntut membayar keseluruhan jumlah nafkah semasa dan/atau membayar jumlah tunggakan nafkah mengikut perintah dan cara yang ditentukan oleh Mahkamah sama ada membayar secara sekali gus atau ansuran bulanan; atau
- (b) mengeluarkan perintah penahanan pendapatan atau potongan gaji bagi yang berpendapatan tetap dengan mengarahkan

bayaran terus ke dalam akaun bank anak-anak dan/atau isteri; atau

- (c) mengenakan hukuman pemerjaraan ke atas pihak yang sengaja tidak mematuhi perintah nafkah tersebut; atau
- (d) perintah penyitaan dan penjualan; atau
- (e) prosiding hiwalah.



## Adakah agensi lain yang boleh membantu dalam hal ehwal berkaitan dengan perintah nafkah?

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merupakan salah satu agensi yang boleh membantu Pihak Menuntut mendapatkan hak nafkah sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah kepadanya.



## Apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan bagi mendapatkan bantuan daripada Jabatan Bantuan Guaman?

Sila bawa bersama-sama anda dokumen-dokumen dan maklumat penting yang berikut:

- (a) butir-butir Pengadu/Pihak Menuntut  
(Contoh: Kad pengenalan, alamat, umur, pekerjaan dan sebagainya).
- (b) butir-butir Pihak Kena Tuntut  
(Contoh: Kad pengenalan, alamat terkini, pekerjaan, alamat majikan dan sebagainya).
- (c) salinan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah  
(Sebaik-baiknya disahkan oleh mana-mana individu yang diberi kuasa berbuat demikian seperti Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan ke atas, Guru Besar, Pegawai Daerah dan Penghulu).
- (d) dokumen sokongan yang berkaitan (jika ada).